

Hutan merupakan khazanah alam yang perlu dipelihara.

Lihat iklan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan. Lengkapkan contoh jawapan dengan frasa yang sesuai.

SP 3.6.2

(KBAT) Menganalisis; Mencipta

[15 markah]

MAJLIS PELANCARAN MINGGU SAYANGI HUTAN NEGARA KITA

Dewan Utama Sekolah Menengah Kebangsaan Aman Jaya

Tarikh: 22 Mei 2018

Masa: 8:00 pagi – 5:00 petang

Anjuran: Kelab Alam Sekitar Sekolah Menengah Kebangsaan Aman Jaya

Pelbagai Aktiviti Menarik Menanti Anda

pembalakan haram

golongan remaja

majlis pelancaran

pihak berkuasa

perhutanan negara

kepentingan hutan

pemusnahan hutan

yang dianjurkan

Majlis pelancaran Minggu Sayangi Hutan Negara Kita peringkat sekolah telah diadakan pada 22 Mei 2018. Majlis (1) _____ oleh Kelab Alam Sekitar sekolah berlangsung di Dewan Utama Sekolah Menengah Kebangsaan Aman Jaya. (2) _____ ini berlangsung dari pukul 8:00 pagi hingga 5:00 petang. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan. Minggu Alam Sekitar perlu diadakan bagi memastikan (3) _____, iaitu pelajar sekolah sedar akan pentingnya hutan dalam kehidupan. Pelbagai langkah dapat dilakukan oleh (4) _____ bagi memelihara hutan. Sebarang aktiviti (5) _____ hendaklah ditegah. Selain itu, penjagaan hutan dapat dilakukan juga dengan menguatkuasakan undang-undang (6) _____ yang lebih tegas. Melalui pelaksanaan undang-undang yang seperti itu, pencerobohan hutan dan (7) _____ dapat dibendung. Natiujahnya, melalui Minggu Sayangi Hutan Negara ini pelajar dapat menyedari (8) _____ kepada negara.

[____ patah perkataan]